

LAMAN

ALLAMANDA

MAJLIS PERBANDARAN KULIM



EDISI 02 2023

JULAI – DISEMBER

MAJLIS PENYERAHAN MEMORANDUM KERJASAMA (MoC) di antara



**SMART
FORWARD
TEAM**



MAJLIS ANUGERAH INOVASI PERDANA SEKTOR AWAM (AIPSA)

ISI KANDUNGAN

INFO PENGURUSAN

➤ Majlis Sanjungan Budi Semarak Kasih	3
➤ Majlis Penyerahan Tugas Yang Dipertua	4
➤ Majlis Angkat Sumpah Ahli-ahli Majlis MPKK	5
➤ Pelancaran Gotong-royong Semarak Komuniti	6

INFO ACARA/PROGRAM

➤ Majlis Penyerahan Surat Hakmilik Lesen Menduduki Sementara dan Premium Tanah Daerah Kulim	7
➤ Gotong-royong Medan Selera Taman Tunku Putra	8
➤ Pilihan Raya Negeri N.35 Kulim	9 -11
➤ Perasmian Penutupan Kempen Premis Bersih Medan Selera	12
➤ Pelancaran Pengemukaan Pelan Bangunan Melalui National BIM E-submission (NBES) / (BIM)	13-14
➤ Karnival Semarak Kemerdekaan dan Hari Malaysia	15-16
➤ Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022	17-18
➤ Mesyuarat Agung Tri-Tahunan Kali ke 27 Anulae Kedah Selatan	19
➤ Sesi Pelancaran Sensor IOT Kulim <i>Smart Parking</i>	20-22
➤ Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan	23
➤ Hari Keluarga dan Sukaneka Alamku	24
➤ Program Cakna Bakat Akademi (Ail)	25
➤ Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam	26
➤ Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia	27
➤ Program Amal Masjid Pusanita MPKK	28
➤ Kayuhan Solidariti	29

INFO OPERASI PENGUATKUASAAN

➤ Operasi Bersepadu bersama Jabatan Imigresen	30
➤ Operasi Gerai Sitaan Terbiar	31

INFO KURSUS/LATIHAN/BENGKEL

➤ Kursus Pengukuhan Pemahaman	32
➤ Seminar Ahli Majlis di Langkawi	33

INFO DELEGASI/KUNJUNGAN HORMAT

➤ Pusat Rekreasi Pahau	34
➤ Kunjungan hormat AT&S	35
➤ Lawatan Menteri Besar Kedah ke AT&S	36
➤ Lawatan Yang Dipertua ke Kulim Inn dan Alamku	37
➤ Walkabout Yang Dipertua ke Taman Tasik Kulim	38
➤ Lawatan Kawasan Kilang Risen Solar Technology	39
➤ Lawatan Pusanita MPKK	40
➤ Lawatan Kerja JPSPN	41
➤ Lawatan	42 - 43

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Yang Dipertua MPKK
Dr. Haji Nadzman Bin Haji Mustaffa,
AMK.,BCK.

PENASIHAT

Puan Setiausaha MPKK
Cik Amal Binti Zubir,
BCK.

KETUA PENGARANG

Puan Hasnita Binti Mohd Hashim
Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Organisasi
Jabatan Khidmat Pengurusan

PENOLONG KETUA PENGARANG

Puan Munira Binti Abdul Rahim
Ketua Unit komunikasi Korporat
dan Perhubungan Awam

KONSEP & REKA BENTUK

Encik Khairul Syafiq Bin Shahari
Pembantu Tadbir
Bahagian Pembangunan Organisasi

PENGARANG

➤ Encik Hasril Hafiz Bin Abdul Halim
Penolong Pegawai Penerangan,
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
➤ Nurfarahin Binti Jefri
Pekerja Sambilan Harian,
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

JURUFOTO

➤ Encik Hasril Hafiz Bin Abdul Halim
Penolong Pegawai Penerangan,
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
➤ Encik Syaiful Adnan Bin Othman
Pembantu Operasi,
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
➤ Encik Khairul Syafiq Bin Shahari
Pembantu Tadbir
Bahagian Pembangunan Organisasi

SIDANG PENGARANG/SUMBER MAKLUMAT

- Jabatan Perancang dan Landskap
- Jabatan Perbendaharaan
- Jabatan Bangunan
- Jabatan Kesihatan Persekitaran
- Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- Jabatan Pembangunan Masyarakat
- Jabatan Penguatkuasa
- Jabatan Kejuruteraan
- Unit Undang-Undang
- Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

MAJLIS PERBANDARAN KULIM
No 1 Lebuhr Bandar 2, Bandar Putra,
09000 Kulim Kedah Darul Aman

☎ 04-4325225 📠 04-4325229

📘 @majlisperbandarankulim

🌐 www.mppk.gov.my

✉ info@mpkk.gov.my

🐦 @mediampkk22

📷 @info_mpk



MAJLIS SANJUNGAN BUDI SEMARAK KASIH

08 Oktober 2023 – Majlis Sanjungan Budi dan Semarak Kasih sempena perpisahan YBrs. Dr. Haji Nadzman Bin Mustaffa, Tuan Yang dipertua MPKK di atas pelantikan sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (Pengurusan) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada atas segala sumbangan dan jasa bakti sepanjang menjalankan tugas sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim pada 15 Mei 2020 hingga 08 Oktober 2023.

Turut meraikan Majlis Sanjungan Budi dan Semarak Kasih, Puan Siti Fatimah binti Ahmad Rosdi, Pengerusi Puspanita MPKK, Cik Amal binti Zubir, Setiausaha MPKK.





MAJLIS SERAH TUGAS TERIMA YDP

9 Oktober 2023 – Majlis Serah Terima Tugas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim telah berlangsung di antara YBrs. Dr. Haji Nadzman Bin Mustafa dengan YBhg. Dato' Haji Elmi Bin Yusoff yang turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan MPKK.

Seluruh Warga Kerja Majlis Perbandaran Kulim merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YBrs. Dr. Haji Nadzman Bin Mustafa di atas khidmat bakti dan sumbangan yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat bersama MPKK dan ucapan tahniah di atas pelantikan sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (Pengurusan).

Tahniah kepada YBhg. Dato' Haji Elmi Bin Yusoff di atas pelantikan sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim.





MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MPKK

25 Oktober 2023 - Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kulim bagi Penggal 2023-2025 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Al-Hikmah MPKK.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan tayangan kembali penyampaian amanat oleh YAB Menteri Besar Kedah agar Ahli-ahli Majlis sentiasa menjadi penghubung rakyat dengan kerajaan, bersama merancang dan melaksanakan dasar, menjadi rujukan dan penyebar dasar, menjadi penyampai dan jurucakap PBT ke arah merealisasikan "The Greater Kedah".



Dato' Yang Dipertua dalam ucapan aluannya mengucapkan tahniah kepada semua ahli majlis dan mengharapakan kerjasama semua untuk terus bergerak sebagai sebuah pasukan. Menzahirkan keyakinan dengan barisan kepimpinan yang ada untuk mengemudi MPKK ke arah yang lebih baik dan terus melakar pelbagai lagi kejayaan.

Seramai 18 orang Ahli Majlis telah menyempurnakan majlis dengan lafaz akad sumpah di hadapan Dato' Yang Dipertua dan Setiausaha, MPKK.





PELANCARAN GOTONG-ROYONG SEMARAK KOMUNITI

27 Disember 2023 - Majlis Pelancaran Gotong-Royong Semarak Komuniti yang dilancarkan oleh YBhg. Dato' Yang Dipertua dengan kehadiran Ahli-Ahli Majlis di Bilik Mesyuarat Al-Hikmah, MPKK.

Dato' Yang Dipertua dalam ucapan pelancaran mengharapkan program ini dapat memupuk semangat kerjasama erat antara penduduk dengan agensi-agensinya perkhidmatan. Memberi penekanan isu kebersihan adalah tanggungjawab bersama dan penglibatan komuniti daripada pelbagai kaum dapat merapatkan lagi semangat perpaduan.



Dato' Yang Dipertua juga berharap program ini boleh berkolaborasi bersama pihak sekolah agar anak-anak dapat didedahkan dengan suasana semangat gotong-royong.

Tarikh, masa dan tempat gotong-royong akan ditentukan oleh Ahli Majlis selaku ketua setiap zon. Wakil-wakil penduduk boleh berhubung dengan Ahli Majlis berkaitan cadangan menjalankan aktiviti gotong-royong di kawasan perumahan.

Semoga program ini dapat membudayakan amalan gotong-royong serta memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan warga setempat.



MAJLIS PENYERAHAN SURAT HAKMILIK, LESEN MENDUDUKI SEMENTARA DAN PREMIUM TANAH DAERAH KULIM DI DATARAN KULIM

Sebanyak 165 geran tanah yang terdiri daripada 121 Surat Hakmilik dan 44 Lesen Pendudukan Sementara (LPS) diserahkan kepada penduduk daerah Kulim oleh YAB Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor.

YAB Menteri Besar Kedah dalam ucapannya berkata, "Daerah Kulim lebih bernasib baik berbanding daerah-daerah lain kerana potensi hartanah di Kulim ini lebih mahal dan terbangun kerana adanya sektor industri yang besar seperti Kulim Hi-Tech Park yang telah memberi sumbangan yang begitu berharga kepada negara"

Tambahnya, "Pembangunan taman-taman perumahan dan komersial bahkan hasil tanah juga amat berharga di daerah Kulim. Sehingga bulan Jun 2023, Pejabat Tanah Kulim telah mengendalikan sejumlah 129,979 pegangan surat hak milik yang menjana hasil tahunan kira-kira RM 65 juta. Ini termasuk bayaran royalti sekitar RM 1.9 juta setahun."

"Hasil-hasil ini menjadi dana kepada kerajaan negeri untuk terus melaksana perancangan pembangunan baik dari segi infrastruktur mahupun kebajikan seluruh rakyat negeri Kedah khususnya"

YAB Menteri Besar Kedah turut merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada para pegawai kerajaan negeri, penerima-penerima geran dan juga ucapan terima kasih kepada Dato' Pengarah Tanah dan Galian, Pegawai Daerah dan seluruh kakitangan Pejabat Tanah yang telah bertungkus lumus menyediakan sehingga lulus geran-geran hakmilik penerima.

Turut mengiringi, YBrs. Dr. Nadzman bin Mustaffa, Pegawai Daerah Kulim, YB. Dato' Azman bin Nasrudin, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kedah merangkap Ahli Parlimen Padang Serai, YB. Dato' Hajah Siti Ashah binti Haji Ghazali, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kedah serta YB. Dato' Md Shuhaime bin Abd Rahman, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah.





GOTONG-ROYONG MEDAN SELERA TAMAN TUNKU PUTRA, KULIM

18 Julai 2023 - Gotong-royong Sempena Kempen Premis Makanan Bersih telah dijalankan di Medan Selera Taman Tunku Putra, Kulim.

Beberapa kerja penambahbaikan sedang dan akan dijalankan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan tahap keceriaan dan kebersihan untuk keselesaan para pengunjung.

Terima kasih kepada semua pihak dan agensi yang terlibat didalam program ini.

#Bersama kita menjaga kebersihan.





HARI PENAMAAN CALON SEMPERA PILIHAN RAYA NEGERI N.35 KULIM

29 Julai 2023 – Hari Penamaan Calon sempena PRN Kedah bagi Bahagian Pilihan Raya Negeri N.35 Kulim telah berlangsung dengan jayanya di Kompleks Sukan KHTP.

Terima kasih kepada semua jabatan dan agensi yang terlibat serta semua masyarakat yang hadir memberi sokongan kepada calon-calon yang bertanding.

Terima kasih juga PDRM KULIM KEDAH yang memastikan perjalanan hari penamaan calon berjalan dalam suasana aman dan teratur.





1 Julai 2023 - Hari Pengeluaran Sampul Undi Pos bagi Bahagian Pilihan Raya Negeri N.35 Kulim di Bilik Mesyuarat Al-Hikmah, Majlis Perbandaran Kulim yang disaksikan bersama Ejen Undi Pos parti yang bertanding.



Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim, Ybrs. Dr. Hj Nadzman Mustaffa merangkap Pegawai Pengurus bagi Pilihan Raya Negeri DUN N.35 Kulim melakukan pemerhatian sempena Hari Undi Awal yang berlangsung di Dewan Serbaguna IPD Kulim dan Dewan PGA Kulim.

Turut mengiringi YDH Supt. Mohd Rezuan Salleh, Ketua Polis Daerah Kulim.





11 Ogos 2023 - Hari Semakan Kertas Undi dan Isi Peti Undi bagi Pilihan Raya Umum DUN Kedah Ke-15 N.35 Kulim telah diadakan di Dewan Bandaran Kulim.

Persiapan rapi, taklimat dan amanat kepada semua petugas bagi memastikan perjalanan urusan pilihan raya dapat dilaksanakan dengan lancar.

Sesi taklimat disampaikan oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim, Ybrs. Dr. Hj Nadzman Mustaffa merangkap Pegawai Pengurus bagi Pilihan Raya Negeri DUN N.35 Kulim.





PERASMIAN PENUTUPAN KEMPEM PREMIS BERSIH (MEDAN SELERA) 2023

23 Ogos 2023 - Perasmian Penutupan Kempen Premis Bersih (Medan Selera) 2023 oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim, Dr. Haji Nadzman Bin Mustaffa di Medan Selera, Taman Tunku Putra.

Kempen dibawah program Kempen Kesihatan Persekitaran, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT). Meliputi 5 program kesihatan persekitaran iaitu Kawalan Denggi, Kawalan Tikus, Kebersihan Premis Makanan, Kebersihan Tandas Awam dan Kebersihan Pasar Awam.

Tujuan utama Kempen Premis Bersih ini adalah untuk meningkatkan tahap kebersihan premis makanan terutama Medan Selera dibawah seliaan PBT supaya tahap kebersihan premis dapat dipertingkatkan demi keselesaan pengunjung.

Kempen mula dilaksanakan bermula Jun 2023 dan akan tamat pada 31 Ogos 2023. Pelbagai program telah dilaksanakan seperti Taklimat Kebersihan Premis kepada peniaga-peniaga, gotong - royong membersihkan kawasan medan selera serta melakukan beberapa kerja naiktaraf seperti pemasangan siling, mengecat semula kawasan dalam dan luar gerai, memasang tanda nama gerai yang seragam dan juga memasang papan iklan medan selera untuk menarik minat lebih ramai pengunjung.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sepanjang kempen berlangsung.





PELANCARAN PENGEMUKAAN PELAN BANGUNAN MELALUI “NATIONAL BIM E-SUBMISSION (NBES) / ‘BUILDING INFORMATION MODELLING’ (BIM) PERINGKAT MPKK

28 Ogos 2023 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menjalin kerjasama erat yang telah termeterai melalui penyerahan Memorandum Kerjasama (Memorandum of Cooperation – MOC) bersama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang disempurnakan oleh Dr. Haji Nadzman Bin Mustafa, Yang Dipertua, MPKK bersama dengan Puan Zainora Binti Zainal, Pengurus Besar Kanan, Sektor Pembangunan Teknologi, CIDB.

Majlis pelancaran bagi pelaksanaan NbeS dan Pusat Operasi BIM di peringkat MPKK ini, adalah sebagai simbolik yang bertujuan untuk menghebahkan penggunaan BIM dan NbeS yang disasarkan kepada pemain-pemain industri binaan yang beroperasi di kawasan utara.

NBeS dan BIM adalah satu platform digital yang dibangunkan melalui kepakaran teknikal CIDB Malaysia bagi

pengemukaan pelan bangunan dengan menggunakan Building Information Modelling (BIM) sebagai perkakasan digital bagi menyediakan pelan-pelan bangunan secara ‘3D Modelling’.

MPKK merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang pertama di Negeri Kedah yang merintis pelaksanaan BIM ini.

Pelaksanaan NBeS / BIM oleh MPKK diharapkan akan menjadi contoh dan inspirasi bagi melaksanakan program inovasi baharu sebagai usaha untuk mencapai kriteria ‘Bandar Pintar’. Terdahulu, inisiatif E10 oleh MPKK iaitu ‘Kelulusan Permit Bangunan’ secara ekspres dengan matlamat membantu pelabur-pelabur industri untuk mencapai sasaran tempoh beroperasi dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menjadi model dan diterima pakai di seluruh PBT di Malaysia sebagai inisiatif menarik pelaburan asing ke Malaysia.



LENSA KAMERA PELANCARAN NBES / BIM



KARNIVAL SEMARAK KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA 2023

16 September 2023 - Karnival Semarak Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2023 berlangsung penuh meriah di Perkarangan Serai Wangi Mall, Padang Serai.

Majlis Perasmian dirasmikan oleh Ybhg. Dr. Haji Nadzman bin Mustafa, Pegawai Daerah Kulim diiringi Tuan Haji Mohd Zainal bin Mohd Nor, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Cawangan Penggerak Komuniti Bahagian Kesejahteraan Komuniti, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, YDH Supt. Mohd Azizul bin Mohd Khairi, Ketua Polis Daerah Kulim, Encik Low Chee Peng, Wakil Pengurusan Pihak C-Mart Serai Wangi Mall serta Encik Abdul Manaf bin Haji Che At, Pengerusi KRT Taman Serai Setia.

Pelbagai acara/pertandingan diadakan seperti pertandingan melukis poster hari kebangsaan, pertandingan nyanyian lagu patriotik, pertandingan deklamasi sajak dan syair, pertandingan memasak masakan tradisional, pertandingan mewarna, pertandingan fotografi, fun ride, jamboree, persembahan paramoto, konvoi motorsikal, pertandingan upcycle, "kahoot"(kuiz kemerdekaan) dan lain lain.




Selain itu turut terlibat pameran dari agensi kerajaan, NGO dan swasta iaitu daripada Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah Kulim, Kulim Smart Parking, E-Idaman, NGO basikal, Pejabat Zakat Kedah, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, UniKL, Briged Keenam Infantri Malaysia (ketenteraan) dan lain lain agensi yang turut serta.

Karnival ini merupakan salah satu platform untuk membina jaringan hubungan dan interaksi antara agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, komuniti setempat dan orang awam. Disamping memberi maklumat kepada masyarakat tentang pentingnya erti sebuah kemerdekaan negara Malaysia dan membentuk semangat patriotik dan cintakan tanah air.

Terima kasih kepada semua jabatan dan agensi yang terlibat serta semua masyarakat yang hadir memberi sokongan untuk Karnival Semarak Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2023.

LENSA KAMERA SEMARAK KEMERDEKAAN



UCAPAN TUAN YANG DIPERTUA

Dr. Haji Nadzman Bin Mustafa, SDK., AMK., BCK.
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulim



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) BAGI TAHUN 2022

21 September 2023 – Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2022 dan Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2023 Majlis Perbandaran Kulim yang berlangsung di Dewan Bandaran Kulim.

Tuan Yang Dipertua dalam ucapannya berkata “Banyak kejayaan yang telah kita capai dengan usaha, kerja keras, komitmen, disiplin serta masa yang telah diberikan untuk Majlis Perbandaran Kulim.”

“Kita perlu bersyukur kerana diberi kesihatan serta diberi peluang untuk bekerja menjana pendapatan.”

Beliau menzahirkan perasaan bangga apabila MPKK kini menjadi sumber rujukan pelbagai pihak terutama daripada rakan PBT serta menyampaikan amanat agar terus menjaga integriti. Tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan nama baik MPKK.

Dikesempatan itu juga, Tuan Yang Dipertua mengucapkan tahniah kepada semua penerima APC dan seluruh warga kerja yang menyumbang kepada kecermelangan MPKK serta ucapan terima kasih dan penghargaan kepada para anggota yang bersara pada tahun 2023.





**LENSA KAMERA
MAJLIS ANUGERAH CEMERLANG**





MESYUARAT AGUNG TRI-TAHUNAN KALI KE-27 ANULAE SEMENANJUNG MALAYSIA CAWANGAN KEDAH SELATAN

24 September 2023 – Mesyuarat berlangsung di Dewan Kenangan Tun Abdul Razak, Majlis Daerah Baling dengan perasmian oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Shahadan bin Haji Abdullah, Yang Dipertua Majlis Daerah Baling diiringi YBhg. Dato' Haji Adnan bin Mat, Pengerusi ANULAE Cawangan Kedah Selatan Merangkap; Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia dan Presiden CUEPACS Malaysia.

The Amalgamated Nation Union Authorities Employees (ANULAE) atau Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Penguasa-Penguasa Tempatan adalah sebuah Kesatuan Sekerja terunggul di Pihak Berkuasa Tempatan yang telah ditubuhkan pada 1hb April 1963 dengan No.Pendaftaran 342.





SESI PELANCARAN SENSOR IOT, KULIM SMART PARKING

2 Oktober 2023 - Kulim Central menjadi saksi kepada detik bersejarah hari ini dengan pelancaran Aplikasi Kulim Smart Parking (KSP) 3.0 yang memperkenalkan penggunaan Parkir Bersensor yang pertama di negeri Kedah.

Dibangunkan secara usaha sama awam-swasta di antara Majlis Perbandaran Kulim, Kedah (MPKK) dan HeiTech Padu Berhad (HeiTech), Sensor Parkir Pintar ini merupakan sensor berteknologi tinggi yang akan mengubah landskap pengurusan, atur cara operasi dan pemantauan tempat letak kereta.



Ia merupakan satu visi inovatif masa hadapan dan membuktikan komitmen MPKK untuk menyediakan pengalaman perkhidmatan parkir yang lebih baik dan mudah kepada penduduk tempatan, golongan yang bekerja, peniaga dan pelancong.

Upacara pelancaran dilakukan oleh Yang Dipertua, Dr. Haji Nadzman Bin Mustaffa mewakili MPKK serta dihadiri oleh ahli-ahli MPKK yang lain membuktikan komitmen MPKK untuk pelaksanaan teknologi terkini untuk kesejahteraan komunitinya.





Dalam ucapan beliau semasa pelancaran, "Sensor Parkir Pintar ini selaras dengan visi kami untuk menjadikan Kulim yang lebih moden, efisien, dan pintar. Kami sangat bangga kerana menjadi peneraju di negeri Kedah dengan memperkenalkan penyelesaian inovatif ini, yang akan meningkatkan kualiti hidup penduduk dan menjadikan Kulim sebagai destinasi utama untuk pelawat."

MPKK menggalakkan semua pengguna aplikasi KSP untuk mengemaskini aplikasi KSP yang terdapat di Google Play Store, Apple App Store, dan Huawei AppGallery untuk mengakses dan mengalami ciri terkini termasuk "Cari Tempat Parkir."

Kulim Smart Parking 1.0 secara rasmi dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Bin Mohd Nor, Menteri Besar Kedah pada Julai 2022,

memperkenalkan pembayaran parkir tanpa tunai melalui aplikasi mudah alih KSP. Dengan pengenalan 7,000 sensor parkir pintar yang telah sepenuhnya dipasang dan beroperasi, penduduk dan pelawat Kulim kini dapat mencari lokasi parkir dengan lebih efisien apabila menggunakan Kulim Smart Parking 3.0.

Kejayaan pelaksanaan Sensor Parkir Pintar bersama oleh MPKK dan HeiTech melambangkan sinergi harmoni antara kepakaran teknologi dan dedikasi kepada masyarakat. Pelancaran ini menandakan perubahan yang sebenar mengenai parkir di bandar, menjadi standard piawaian yang baru untuk bandar lain di rantau ini.





Fungsi-fungsi utama baru Sensor Parkir Pintar, Kulim Smart Parking 3.0:

1. Ketersediaan tempat letak kenderaan masa nyata dan integrasi bersepadu dengan Aplikasi Kulim Smart Parking:

Sistem ini menyediakan data mengenai tempat parkir yang tersedia dan memberi kemudahan kepada pemandu untuk mencari tempat parkir kosong. Sensor parkir pintar berintegrasi bersepadu dengan Aplikasi Kulim Smart Parking, memudahkan pengguna untuk mencari, panduan arah dan membayar parkir melalui telefon pintar mereka.

2. Penggunaan lebih mudah: Aplikasi Kulim Smart Parking adalah mesra pengguna lagi mudah digunakan. Fungsi terkini Aplikasi Kulim Smart Parking termasuk Carian Parkir dan Aduan

- Carian Parkir: Menawarkan keupayaan mencari parkir kosong yang berhampiran dengan destinasi yang dipilih, memaparkan tempat parkir yang tersedia yang berdekatan dengan destinasi yang dipilih. Aplikasi ini juga dapat memberikan panduan arah ke tempat parkir yang dipilih, memastikan pengguna tiba di destinasi mereka dengan mudah.

- Aduan: Menggalakkan pengguna untuk memberikan maklum balas yang relevan secara terus di dalam aplikasi, yang berkomunikasi secara langsung ke saluran sokongan rasmi.



3. Mengurangkan kesesakan trafik dan manfaat kepada persekitaran:

Membantu pemandu dengan panduan arah ke tempat parkir yang tersedia, secara tidak langsung sistem ini memainkan peranan penting dalam mengurangkan kesesakan trafik secara mengurangkan impak kepada persekitaran. Ia juga menjimat masa untuk mencari tempat parkir kosong, Kulim Smart Parking 3.0 dapat mengurangkan pencemaran udara, menjadikan Kulim sebuah bandar yang lebih mesra alam.



MAJLIS SAMBUTAN HARI KESIHATAN PERSEKITARAN SEDUNIA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN KERAJAAN TEMPATAN TAHUN 2023

17 Oktober 2023 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menerima Pengiktirafan PBT Cemerlang Kempen Premis Makanan Bersih Medan Selera 2023 pada Majlis Sambutan Hari Persekitaran Dunia Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2023 yang berlangsung di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) serta Encik Ahmad Shakir bin Arus, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK menerima pengiktirafan itu dalam majlis yang disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan.

MPKK telah memilih Medan Selera Taman Tunku Putra, Kulim untuk dinaiktaraf kesemua gerai daripada gred C kepada gred A, mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sepanjang kempen berlangsung.



HARI KELUARGA DAN SUKANEKA ALAMKU

04 November 2023 – Hari Keluarga Sukaneka Taska / Tadika Alamku Majlis Perbandaran Kulim telah diadakan bertempat di Kulim Inn.





PROGRAM CAKNA BAKAT AKADEMI DALAM INDUSTRI (AiI) 'ZERO TO HERO'

26 November 2023 - *Academy in Industry (AiI)* ialah inisiatif kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja tempatan yang relevan bagi memenuhi keperluan industri semasa dengan menyediakan peluang pekerjaan dan pendidikan.

Berkonsepkan *Place and Train*, AiI Menempatkan bakat dalam industri dan seterusnya meningkatkan kemahiran (*reskilling and upskilling*) bakat di tempat kerja melalui pensijilan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Program yang berlangsung di Hotel Seri Malaysia, Kulim dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh YBrs. Encik Muzaffar Abdul Hamid, Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Program yang dihadiri oleh pelbagai jabatan dan agensi berkepentingan ini dirasmikan oleh YBrs. Cik Amal Zubir, Setiausaha Majlis Perbandaran Kulim.

Semoga program dengan kerjasama Malaysia Produktiviti Corporation (MPC) ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya golongan belia bagi memenuhi permintaan pasaran tenaga kerja berkemahiran.





MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH INOVASI PERDANA SEKTOR AWAM (AIPSA)

7 November 2023 - Kerajaan Malaysia dengan ini mengiktiraf inisiatif inovasi PERMIT PEMBINAAN EKSPRESS E10 MAJLIS PERBANDARAN KULIM sebagai PENERIMA KEDUA TERBAIK TREK EKONOMI ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM (AINSA) 2023.

Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) Tahun 2023 anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang bertemakan "Malaysia MADANI Memperkasa Inovasi" itu telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim di Pusat Konvensyen Putrajaya (PICC).

Hadir bersama menerima penganugerahan YBrs. Dr. Haji Nadzman Bin Mustaffa, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (Pengurusan) serta YBhg. Dato' Haji Elmi Bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim.

TAHNIAH TEAM SMARTFORWARD serta pihak pengurusan MPKK bersama Kerajaan Negeri Kedah yang sentiasa menyokong pembangunan inisiatif ini.

Tahniah. Semoga pengiktirafan dan kejayaan ini dapat terus memacu ke arah The Greater Kedah!





SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) TAHUN 2023 PERINGKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

11 November 2023 – PLANMalaysia@Kedah (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah) secara kolaboratif bersama Majlis Perbandaran Kubang Pasu telah menganjurkan Program Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2023 Peringkat Negeri Kedah yang telah diadakan pada 11.11.2023 (Sabtu) bertempat di Darulaman Park, Jitra Kedah dengan bertemakan “Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua”.

Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah dinobatkan sebagai penerima ANUGERAH BANDAR MAMPAN TAHUN 2023 Peringkat Negeri Kedah. YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK menerima pengiktirafan itu dalam majlis yang disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Pengangkutan Negeri, YB. Tuan Haji Dzowahir Ab Ghani.

Tahniah dan syabas diucapkan di atas anugerah tersebut! Semoga dengan penganugerahan ini dapat terus membentuk bandar yang sejahtera dan berdaya huni.





PROGRAM AMAL MASJID PUSPANITA

18 Disember 2023 – Puspanita Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menyertai sarapan amal, majlis berkhatan pelajar KAFA bertempat di Masjid Al-Muthmainnah, Kulim. Program dihadiri oleh YBhg. Dato' Elmi bin Yusoff Yang Dipertua MPKK, YBhg. Datin Azlina binti Md. Zuki Pengerusi Puspanita MPKK, Cik Amal binti Zubir Setiausaha MPKK merangkap Timbalan Pengerusi dan bersama Ahli Jawatankuasa Puspanita MPKK. Turut hadir memeriahkan majlis Ahli Majlis Zon 3 Ustaz Mohammad Iskandar Shah bin Ibrahim dan Ahli Majlis Zon 9 Puan Norhayati binti Amran.

Program Amal tersebut merupakan salah satu daripada program tahunan Puspanita MPKK yang bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di kalangan ahli kelab dan masyarakat. Penyampaian hadiah oleh Tuan Yang Dipertua dan Pengerusi Puspanita MPKK kepada Pelajar KAFA didalam Majlis berkhatan yang dianjurkan oleh Masjid Al-Muthmainnah, Kulim.





KAYUHAN SOLIDARITI

Aktiviti Kayuhan Basikal Solidariti Palestin bersama Dato' Yang Dipertua MPKK pada malam ini Ahad 31/12/2023 bermula jam 9.00 malam - 10.30 malam melalui jalan berikut.

Para pengguna jalan raya dimohon untuk lebih berhati-hati dan mengikuti arahan Warden Lalulintas yang bertugas.





OPERASI BERSEPADU BERSAMA JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

18 September 2023 – Operasi bersepadu diketuai Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MPKK bersama 5 Anggota Jabatan Imigresen Malaysia dan 10 Anggota Penguatkuasa MPKK.

Operasi menyasarkan pemeriksaan ke atas premis perniagaan yang didakwa melibatkan warga asing. 18 premis telah diperiksa melibatkan kawasan Taman Senangin, Taman Perak serta Taman Kobis.

Tindakan penguatkuasaan diambil mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan. Sebanyak 11 kompaun dan satu notis telah dikeluarkan oleh pihak Majlis Perbandaran Kulim.





OPERASI SITAAN GERAJ TERBIAR

24 Oktober 2023 – Operasi sitaan gerai TERBIAR di bahu Jalan Paya Besar berhadapan Taman Kucai serta di Jalan Paya Serdang, Lunas. Operasi dijalankan setelah pemilik gerai gagal mematuhi arahan notis untuk berpindah ke TAPAK PENJAJA YANG TELAH DISEDIAKAN oleh pihak MPKK.

Orang ramai diminta menghubungi Bahagian Peniaga Kecil/Penjaja, Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK bagi mendapatkan pandangan lokasi yang bersesuaian serta syarat-syarat keperluan untuk menjalankan aktiviti perniagaan.

Sebagai langkah keselamatan awam, elak melakukan halangan di bahu jalan-jalan utama terutama di laluan yang sering dilalui kenderaan berat.



KURSUS PENGUKUHAN PEMAHAMAN

27 September 2023 – Kursus Pengukuhan Pemahaman Akan Peruntukan Kesalahan Bawah Akta dan Undang-undang Subsidiari yang Diterimapakai oleh Majlis Perbandaran Kulim dalam Tindakan Mengkompaun Suatu Kesalahan.

Kursus yang berlangsung di Hotel Seri Malaysia, Kulim disampaikan oleh Encik Alif Bin Hamzah, Pegawai Undang-Undang MPKK dengan dihadiri oleh 58 anggota daripada Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Kesihatan Persekutaran.

Objektif kursus adalah bagi memberi pemahaman kepada Pegawai Penguatkuasa/ Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran Majlis yang menjalankan tindakan pengkompaunan kesalahan akan peruntukan-peruntukan di bawah akta dan undang-undang subsidiari yang diterima pakai oleh Majlis Perbandaran Kulim.



Pengisian Kursus:

- Punca kuasa mengkompaun
- Peruntukan di bawah akta
- Peruntukan kesalahan di bawah subsidiari
- Pengukuhan integriti

Pihak Majlis sentiasa komited dalam meningkatkan kompetensi Anggota Penguatkuasa dalam membuat tindakan penguatkuasaan agar tindakan yang dilaksanakan berlandaskan punca kuasa dan berbetulan dengan peruntukan undang-undang yang ada.



SEMINAR AHLI MAJLIS MPKK DI LANGKAWI

23 November 2023 - Seminar Pemantapan Peranan Ahli Majlis & Pegawai Kawasan MPKK Sesi 2023/2025 yang akan berlangsung pada 23-25 November 2023 di Ombak Villa Langkawi.

Seminar dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim. Objektif seminar untuk memberi pendedahan mengenai peranan Ahli Majlis dalam memantapkan lagi pengurusan MPKK. Memberi penekanan menyelesaikan isu-isu setempat, menyampaikan dasar Pihak Berkuasa Tempatan dan melaksanakan program bersama komuniti penduduk.

Dalam majlis perasmian ini juga dilancarkan "Solidariti Palestin" bagi menzahirkan solidarity dan kesatuan Majlis Perbandaran Kulim terhadap negara Palestin.





PUSAT REKREASI PAHAU

Menjejaki Kawasan Rekreasi Pahau, Hutan Simpan Gunung Bongsu yang telah lama ditinggalkan. Mungkin sebahagian Warga Kulim ada kenangan lama di sini yang dahulunya sering dijadikan kem tapak perkhemahan.

Usaha dan perancangan awal bersama Jabatan Perhutanan Negeri Kedah bagi menghidupkan kembali kawasan ini agar generasi baharu terus menghargai khazanah hutan kita. Menjadikan hutan sebagai saluran pendidikan dan kesedaran kepada pengunjung berkaitan alam sekitar, penjagaan hutan seterusnya menghargai ekosistem sumber hijau sebagai sumber udara dan air bersih.

Terima kasih Team Renjer Pejabat Hutan Pahau Kulim.





KUNJUNGAN HORMAT AT&S

12 Oktober 2023 - Pihak AT&S Malaysia membuat kunjungan hormat ke atas Dato' Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim, YBhg. Dato' Haji Elmi Bin Yusoff. Delegasi diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi AT&S AG, Mr. Ingolf Schroder.





LAWATAN MENTERI BESAR KEDAH KE AT&S

12 Oktober 2023 - Menteri Besar Kedah YAB Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor, mengadakan lawatan kerja ke Tapak Projek Kilang AT&S Malaysia di Kulim Hi-Tech Park bagi meninjau tahap kemajuan pembangunan projek di sana.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Pengajian Tinggi, dan Sains, Teknologi & Inovasi, YB Dr. Haim Hilman Abdullah, bersama Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, YBrs. Dr. Nadzman Mustaffa dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim, YBhg. Dato' Haji Elmi Bin Yusoff.



AT&S Malaysia merupakan kilang pembuatan yang sedang pesat dibangunkan di Kulim Industrial Corridor, Kulim Kedah. Ia merupakan kemasukan pertama AT&S di Asia Tenggara, dan pelaburan terbesar bagi kumpulan itu.

AT&S Malaysia terutamanya akan menghasilkan “high-end IC substrates for high-performance processors”, yang biasa digunakan dalam komputer, pusat data, permainan komputer, 5G, automotif atau AI.

Kemudahan pengeluaran itu yang terletak di Kulim Hi-Tech Fasa 4 dijangka mula beroperasi pada 2024 dan dijangka akan menyediakan kira-kira 6,000 peluang pekerjaan.



LAWATAN DATO' YANG DIPERTUA KE KULIM INN DAN ALAMKU

23 Oktober 2023 – YBhg. Dato' Haji Elmi Bin Yusoff, Yang Dipertua meluangkan masa melawat Alamku dan Kulim Inn diiringi pengarah-pengarah dan juga pegawai jabatan.



WALK ABOUT DI TAMAN TASIK PUTRA BERSAMA YANG DIPERTUA MPKK

23 OKTOBER 2023 – YBhg. Dato' Haji Elmi Bin Yusoff, Yang Dipertua meluangkan masa untuk meninjau Taman Tasik Putra, Kulim diiringi pengarah-pengarah dan juga pegawai jabatan dan bahagian yang terlibat dalam mengawal selia, menyelenggara serta membangunkan kemudahan rekreasi Taman Tasik Putra yang merupakan produk pelancongan utama di Daerah Kulim.

Sesi Walk About ini dimulakan dengan sesi taklimat oleh Puan Rozita Binti Awang, Penolong Pengarah, Bahagian Landskap, Jabatan Perancangan dan Landskap, Tuan Mohd Haji Nazri Bin Harun, Pengarah Jabatan Bangunan dan seterusnya Puan Siti Safarah Binti Amirnuddin, Penolong Pengarah Jabatan Kejuruteraan serta Encik Mohd Firdaus Bin Mat Said, Ketua Bahagian Elektrikal, Jabatan Kejuruteraan.



Dato' Haji Elmi Bin Yusoff telah meninjau keadaan Taman Tasik Putra untuk melihat hasil pelaksanaan projek-projek yang telah dijalankan. Yang Dipertua kini optimis untuk meneliti perancangan bagi menambah baik beberapa cadangan projek naik taraf yang akan dibuat untuk peringkat fasa seterusnya melibatkan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan yang dapat meningkatkan keselesaan, keselamatan dan keindahan kawasan Taman Tasik Putra.

Pada kesempatan lawatan ini juga, Yang Dipertua turut melawat sekitar stesen bas Kulim dan melawat gerai majlis yang berada bersebelahan kawasan tersebut.

LAWATAN KAWASAN KILANG RISEN SOLAR TECHNOLOGY SDN. BHD., ZON INDUSTRI FASA 4, KULIM HI-TECH PARK

7 Disember 2023 – Yang Berbahagia, Dato' Haji Elmi Bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) bersama pengarah-pengarah dan anggota jabatan dalaman MPKK telah melaksanakan lawatan ke kawasan Kilang Risen Solar Technology Sdn. Bhd. Lawatan bagi mewujudkan kerjasama baik kedua-dua pihak antara MPKK sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan isu-isu pelabur industri dapat dilihat secara menyeluruh bersama pihak pelabur yang terlibat dalam proses kelulusan melalui inisiatif E10 (Permit Pembinaan Ekspres).

Delegasi ini disambut baik oleh Encik Waltz Yuan, General Manager Risen Solar diiringi pasukannya. Program lawatan dimulakan dengan ucapan kedua-dua pihak dan pihak MPKK diberi taklimat ringkas mengenai Risen Solar Technology Sdn. Bhd. yang disampaikan oleh Puan Farah Wahida Binti Ismail, Senior Executive General Manager Office.



Delegasi lawatan seterusnya dibawa untuk melawat ke bahagian cell production serta melihat proses module production. Memetik sumber Malaysia Investment Development Authority – MIDA, Risen Energy melalui anak syarikatnya Risen Solar Technology Sdn Bhd memulakan pelaburan pertamanya di Asia Tenggara dengan membuka kilang pengeluaran di Taman Teknologi Tinggi Kulim, Kedah (Fasa 4) yang mula beroperasi komersial pada suku pertama tahun 2022.

Risen Energy merupakan antara syarikat pelopor industri solar dengan kepakaran yang luas dalam R&D fotovoltaik dan pembekalan penyelesaian end-to-end untuk keseluruhan rangkaian pengilangan solar. Syarikat ini menghasilkan produk solar berteknologi dwimuka terkini bagi memenuhi peningkatan permintaan pasaran global dengan jumlah pelaburan sebanyak RM42.2 billion (perbelanjaan modal dan operasi) dalam tempoh 15 tahun



LAWATAN DELEGASI KELAB PUSPANITA MPKK

20 DISEMBER 2023 - Lawatan delegasi Kelab Puspanita MPKK untuk menyantuni warga Rumah Amal Kulim, MPKK diketuai oleh YBhg. Datin Azlina Binti Md. Zuki selaku Pengerusi, dan diiringi bersama Cik Amal Binti Zubir, Timbalan Pengerusi Puspanita MPKK dan juga Ahli Jawatankuasa dan Ahli-Ahli Kelab Puspanita MPKK. Peserta delegasi disambut mesra oleh Puan Zarina Md Noor, Pengetua Rumah Amal Kulim dan diiringi para guru dan pekerja Rumah Amal Kulim. Sesi lawatan dimulakan dengan ucapan daripada Puan Pengetua Rumah Amal Kulim dan disusuli dengan meninjau sekitar kawasan taska, ruangan pembelajaran serta melihat kemudahan-kemudahan yang ada di Rumah Amal Kulim. Melalui lawatan ini, pihak Puspanita MPKK telah menyampaikan sumbangan sebanyak RM1000 sebagai salah satu tanggungjawab sosial kepada Rumah Amal Kulim tersebut.



Agenda program lawatan diakhiri dengan melawat Kebun Komuniti Bandar Taman Angsana, Kulim bersama YBhg. Dato' Haji Elmi Bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK. Pihak MPKK dan Ahli Kelab Puspanita menerima sambutan kunjungan ini daripada Pengerusi Kebun Komuniti Bandar Taman Angsana iaitu En Abdul Ghani Bin Bahari, dan turut dihadiri oleh seramai 25 orang peserta kebun dan juga ahli jawatankuasa kebun tersebut. Kebun ini yang mula aktif diusahakan sejak bulan Disember 2014 diagihkan tanah secara individu - 15 plot tanaman dan jugak kelompok yang melibatkan 10 orang peserta. Pelbagai jenis tanaman yang diusahakan di tapak kebun tersebut, antaranya jagung, bendi, terung, serai, kacang panjang, petola, limau kasturi, keladi, kacang tanah, timun, betik, dan pelbagai jenis ulaman.

Di samping itu, aktiviti penternakan ikan talapia di dalam kolam serta ikan keli di dalam tong juga kini dilaksanakan untuk meluaskan lagi aktiviti di tapak kebun tersebut. Ia juga bukan sahaja dapat menjana ekonomi ahli dan penduduk malahan dapat menghidupkan suasana muhibbah serta mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan komuniti setempat. Program pertanian ini dipantau oleh Jabatan Perancangan Dan Landskap, MPKK serta mendapat khidmat nasihat daripada pihak Pejabat Pertanian daerah Dan Negeri Kedah.



LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA (JPSPN) KE TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SANITARI (TPS) PADANG CINA, DAERAH KULIM

23 Disember 2023 – Pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal (JPSPN) yang diketuai oleh Ir. Ts. Dr. Mohd Azhar Bin Abd Hamid, Ketua Pengarah JPSPN telah mengadakan lawatan kerja ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari (TPS) Padang Cina. Turut hadir bersama Encik Nordin Bin Amat, Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Negeri Kedah. Pihak Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) yang dihadiri oleh TPr. Haji Hamzah Bin Ab. Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap yang mewakili Dato' Yang Dipertua MPKK, telah hadir bagi menyambut kehadiran delegasi tersebut dan diiringi bersama Tuan Sr. Syakir Bin Daman Huri, Penolong Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta serta Puan Mazlina Binti Wahab, Ketua Bahagian Inspektorat, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MPKK.



Semasa sesi lawatan yang diadakan, Encik Jaafar Sadeq Bin Dato' Mohd. Noordin, Pengarah Urusan Uman Jaya Sendirian Berhad telah membuat pembentangan berkaitan cadangan tambahan dan pengubahsuaian tapak Sel yang dapat menampung 800 tan/sehari untuk tempoh 10 tahun. Cadangan kedua adalah untuk menyediakan 'detention pond' dan leachate pond' bagi mengawal air leachate sebelum diproses dan dilepaskan ke dalam sungai semula. Delegasi lawatan bersama JPSPN seterusnya dibawa untuk meninjau sekitar tapak pelupusan sisa pepejal (TPS) Padang Cina, Daerah Kulim.

Pihak MPKK merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Ketua Pengarah JPSPN dan delegasi lawatan yang terlibat dan semoga hubungan kerjasama ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.





LAWATAN UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)

Delegasi diketuai :

Tarikh : 23 Ogos 2023

Masa : 02:30 petang

Yang Berbahagia Puan Surayati binti Ibrahim

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Malaysia (MAMPU)



LAWATAN WATER FRONT ECONOMIC ZONE CORPORATION

Delegasi diketuai :

Tarikh : 29 Ogos 2023

Masa : 10:00 pagi

YBhg. Datuk Shamsul Ambia bin Abdul Aziz

Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Water Front Economic Zone Corporation



LAWATAN LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG

Delegasi diketuai :

Tarikh : 05 September 2023

Masa : 9:00 pagi

Yang Berusaha Puan Safiyah binti Zulkifli

Eksekutif Kewangan, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang



LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

Delegasi diketuai :

Tarikh : 04 Oktober 2023

Masa : 01:30 tengahari

TPr. Ts. Rozaidi bin Mahat

Pegawai Perancang Bandar dan Desa



LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Delegasi diketuai :

Tarikh : 04 Disember 2023

Masa : 10:00 pagi

Tuan Haji Baderul Amin bin Abd. Hamid

Setiausaha Majlis Perbandaran Kubang Pasu



LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

Delegasi diketuai :

Tarikh : 10 Disember 2023

Masa : 11:00 pagi

Yang Berbahagia Rosmariyani binti Ab. Rashid

Pengarah Jabatan Korporat dan Sumber Manusia

Majlis Perbandaran Kangar, Perlis